

Henti dera rakyat Iraq: Mahathir

Oleh Ebi Azly Abdullah dan Mohd Shah Abdullah

SUBANG, Rabu - Malaysia mahu Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) segera menghentikan penderaannya terhadap rakyat Iraq dan mengiktiraf semula Baghdad sebagai negara berdaulat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah Majlis Keselamatan memperbaharui sekatan terhadap Iraq kelmarin adalah tidak adil kerana ia menyebabkan rakyat negara itu terus menderita.

"Mereka boleh menyalahkan Saddam Hussein kerana penderitaan itu, tetapi untuk mendera rakyat Iraq sehingga mereka sendiri menjatuhkan Saddam adalah tidak adil kerana mungkin rakyat Iraq takut kepadanya sehingga tidak dapat bertindak.

katan itu ialah tindakan pemimpin Iraq membina beberapa istana, sedangkan rakyat negara itu menderita.

Dr Mahathir meminta Majlis Keselamatan menarik semula keputusan mengenakan sekatan itu dan menyokong tindakan Iraq mengiktiraf Kuwait sebagai negara berdaulat.

Beliau percaya langkah meneruskan sekatan itu, selepas Iraq bersetuju mengiktiraf Kuwait, hanya menyebabkan rakyat negara itu lebih takut kepada Saddam sehingga tidak dapat bertindak.

Menurut Perdana Menteri, sekatan itu juga perlu ditarik balik kerana Iraq sudah memenuhi permintaan tentera bersekutu ketika Perang Teluk tiga tahun lalu, untuk mengiktiraf Kuwait.

"Tetapi nampaknya PBB khususnya Majlis Keselamatan ingin memaksa rakyat Iraq mengulingkan kerajaan Iraq kerana penderitaan itu," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan Majlis Keselamatan PBB kelmarin yang meneruskan sekatan terhadap Iraq walaupun Baghdad sudah mengiktiraf Kuwait sebagai negara berdaulat.

Pengiktirafan itu sebelum ini dianggap sebagai syarat penting bagi membolehkan Majlis Keselamatan PBB menarik semula sekatan empat tahun terhadap negara itu, berikutan tindakan Iraq menceroboh Kuwait pada 1990.

Menurut laporan, antara faktor utama keputusan PBB meneruskan se-

"Bagaimanapun Majlis Keselamatan ingin memaksa rakyat Iraq mengulingkan kerajaan mereka dengan melaporkan kemewahan pemimpin sedangkan mereka menderita.

"Tindakan itu tidak akan berhasil kerana tidak ada gunanya menyalahkan Saddam jika rakyat Iraq terus menderita. Memang benar, seperti dilaporkan dalam televisyen, Saddam tidak merasai apa-apa tekanan ... malah membina lebih banyak istana, tetapi adakah dengan membuat istana, rakyat Iraq wajib disiksa?"

Dr Mahathir berkata, tindakan itu sama seperti membunuh rakyat Iraq sendiri, kerana kalau Barat mengangap Saddam menekan negaranya, PBB turut 'menyiksa' rakyat Iraq, semata-mata kerana mereka tidak mampu mengulingkan Saddam.